

BIASISWA UNTUK PENGAJIAN SISWAZAH DI MALAYSIA DI BAWAH PROGRAM
KERJASAMA TEKNIKAL MALAYSIA
Biasiswa-Kerjasama Teknikal Malaysia
27/06/2005

Kerajaan Malaysia dengan bangganya akan membiayai pengajian Encik Julio Tomas Pinto selama 3 tahun di peringkat Doktor Falsafah (PhD) menerusi biasiswa yang ditawarkan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP atau Malaysian Technical Cooperation Programme) bagi tahun akademik 2005 / 2006. Encik Julio Pinto, 33 tahun akan bertolak ke Malaysia pada hari Sabtu, 25 Jun 2005 dan akan mendaftar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada hari Rabu, 6 Julai 2005 bagi memulakan pengajiannya. Beliau merupakan pelajar Timor-Leste yang pertama mengikuti pengajian di UKM.

UKM telah menawarkan tempat kepada Encik Julio Pinto berdasarkan kepada latarbelakang akademik beliau yang cemerlang. Beliau akan melanjutkan pengajian PhD beliau di dalam bidang Kajian Keselamatan dan Strategik.

UKM ialah sebuah universiti awam yang telah ditubuhkan pada 18 Mei 1970 dan terletak di Bandar Baru Bangi di dalam negeri Selangor. Encik Julio Tomas Pinto kini berkhidmat sebagai Timbalan Dekan di Universidade Da Paz (UNPAZ). Beliau juga adalah seorang penulis di akhbar harian Timor-Leste serta pengamat isu-isu politik dan keselamatan Timor-Leste.

Program biasiswa MTCP hanya ditawarkan untuk mengikuti pengajian diperingkat Sarjana (Masters) dan Doktor Falsafah (PhD) sahaja. Ianya ditawarkan setiap tahun kepada pelajar-pelajar Timor-Leste yang layak bagi memberi peluang kepada mereka untuk melanjutkan pengajian di universiti-universiti awam di Malaysia. Biasiswa MTCP merangkumi:

- i. Tiket penerbangan pergi-balik dari Dili ke Kuala Lumpur
- ii. Elaun mula pengajian
- iii. Elaun sara hidup
- iv. Yuran pengajian
- v. Tambang perjalanan dalam negeri
- vi. Elaun buku
- vii. Elaun tesis dibayar sekali sahaja sepanjang pengajian
- viii. Elaun latihan praktikal
- ix. Elaun penyelidikan (research)
- x. Elaun tamat pengajian

Selain dari Encik Julio Pinto, Kerajaan Malaysia juga telah menawarkan biasiswa pengajian kepada 2 orang lagi pelajar Timor-Leste yang pada masa ini masih lagi sedang berusaha untuk mendapatkan tempat di universiti-universiti awam di Malaysia.

Sehingga kini terdapat lebih kurang 280 orang peserta dari Timor-Leste yang telah mengikuti pelbagai kursus latihan jangka pendek di bawah program Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) anjuran Kerajaan Malaysia.

Selain Kerajaan Malaysia, Universiti Utara Malaysia (UUM), iaitu salah sebuah universiti awam di Malaysia telah juga menawarkan 1 biasiswa pengajian sarjana (M.A) yang merangkumi yuran pengajian, kos penginapan dan elaun bulanan kepada seorang tenaga pengajar UNPAZ.

Selain itu, pihak UUM juga akan mengadakan kerjasama dengan pihak UNPAZ. Seorang felo pelawat (pensyarah) UUM akan melawat UNPAZ yang dijadualkan pada

tahun ini. Beliau akan mengadakan perbincangan lanjut dengan Rektor UNPAZ tentang bagaimana hendak mempertingkatkan kerjasama UUM - UNPAZ dan juga mengadakan beberapa syarahan di UNPAZ. Beliau juga akan menemuduga calon-calon yang telah memohon biasiswa UUM.

Disamping itu, sebuah universiti swasta di negeri Johor iaitu Kolej Universiti Tun Hussein Onn (KUITTHO) juga telah bermurah hati memberikan bantuan biasiswa pengajian sarjana (M.A) kepada 3 orang pensyarah Dili Institute of Technology (DIT) pada tahun 2004.

Mereka telahpun memulakan pengajian di KUITTHO pada bulan Disember 2004. Yayasan SALAM iaitu sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO atau Non-Governmental Organisation) dari Malaysia telah juga menghantar 2 orang pensyarah untuk mengajar di DIT.

Pihak PETRONAS juga telah memberikan biasiswa kepada 7 orang pelajar-pelajar Timor-Leste untuk melanjutkan pengajian ijazah sarjana muda (B.Sc) mereka pada tahun 2004. Tujuh orang pelajar ini juga telah memulakan pengajian mereka pada bulan Julai 2004.

Walaupun demikian, biasiswa PETRONAS pada tahun 2005 terpaksa ditarik balik atas sebab-sebab tertentu yang tidak dapat dielakkan.

Pihak Kedutaan juga mengambil peluang ini untuk menyampaikan sumbangan ikhlas dari Kerajaan dan rakyat Malaysia yang berupa buku Encyclopaedia Tun Dr Mahathir Mohamad untuk perpustakaan UNPAZ bagi dimanfaatkan oleh setiap warga UNPAZ.

Encyclopaedia tersebut sebanyak 10 jilid merupakan koleksi ucapan-ucapan yang telah disampaikan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad disepanjang karier beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia yang menyentuh tentang pelbagai aspek dan bidang pengetahuan.

Saya dengan ini berharap agar Encik Julio Pinto akan menggunakan kesempatan berada di Malaysia untuk mempelajari budaya, adat resam, sejarah serta mengenali rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama dengan lebih dekat lagi. Saya mengucapkan maju jaya kepada Encik Julio Pinto.

Diharap juga agar Encik Julio Pinto akan segera kembali ke Timor-Leste apabila tamat pengajian kelak untuk menyumbang kepada pembangunan negara ini berbekalkan pengetahuan dan kepakaran yang dipelajari di Malaysia.

Kerjasama ini merupakan sumbangan kecil dari Kerajaan Malaysia untuk membantu jiran tetangga Nusantaranya seperti Timor-Leste untuk mencapai dan menikmati kemajuan dan kesejahteraan. Semoga persaudaraan dan hubungan dua hala antara Malaysia dan Timor-Leste akan berkembang dan berterusan.

Saya ucapkan Selamat Jalan dan Selamat Berjaya kepada Encik Julio Pinto di dalam menghadapi kehidupan serta pengajian di UKM khususnya dan Malaysia amnya.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT,

HUBUNGI : HAFIZ BIN ABDUL HALIM
KEMENTERIAN LUAR NEGARA
TEL : +603-88874188

TARIKH SIARAN: 27 JUN, 2005

DISIARKAN OLEH BERNAMA PRWIRE MALAYSIA*GLOBAL